



**TRANSKRIP UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERJUMPAAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM
BAGI BULAN JANUARI 2020**

TARIKH : 6 JANUARI 2020 (ISNIN)

MASA : 8.30 PAGI

**TEMPAT : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahhiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan dan seterusnya anggota pentadbiran awam di dalam Jabatan Perdana Menteri.

Kita sedia maklum bahawa kumpulan kita ini memainkan peranan yang amat penting. Pembangunan negara kita ini bergantung kepada kita semua iaitu bukan sahaja Kerajaan tetapi juga kepada Menteri-Menteri yang berkaitan.

Kerjasama antara Menteri dan Pegawai-Pegawai amat penting dan kita juga harus memikirkan akan perasaan peribadi untuk menentukan bahawa segala dasar bagi membangunkan negara dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kita telah memperkenalkan dasar baharu iaitu Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB). Kita bukan sahaja menyahut dan menyatakan mengenai pengwujudan akan wawasan ini tetapi kita juga harus melaksanakannya. Untuk ini, banyak kerja-kerja yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua pihak, kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan jentera kerajaan yang kekal.

Hubungan kerjasama antara kita amat penting sekiranya ingin melihat kejayaan negara kita. Kemungkinan untuk kita berjaya dalam mencapai matlamat kita ini amat besar dengan memahami bagaimana untuk kita menjayakan segala dasar, rancangan dan strategi kita.

Meraikan tahun baharu 2020 ini perlu memberi satu permulaan bagi kita dalam membuat resolusi supaya negara kita ini dapat mencapai kemajuan dan tidak lagi dipandang rendah dan hina oleh orang lain. Rancangan telah diadakan serta pendekatan juga sudah dicipta. Justeru itu, saya cuma berharap agar semua pihak dapat memberi sepenuh tumpuan terhadap pembangunan dan kemajuan negara dan bukan semata-mata kepada kepentingan diri sendiri.

Yang lebih utama adalah kejayaan terhadap kerja kita yang bukan sahaja memenuhi masa kerja tetapi dengan kerja-kerja yang akan menyumbang kepada pembangunan negara. Wawasan Kemakmuran Bersama ini adalah satu wawasan terbaik yang diperkenalkan di dalam negara kita ini. Kita sedar bahawa terdapat perbezaan antara pihak-pihak tertentu. Bagi mengatasi masalah ini, bukan sahaja perancangan atau tindakan daripada kerajaan yang diperlukan, tetapi sambutan daripada rakyat juga perlu untuk menjayakan dasar kita.

Semua pihak sama ada kerajaan pilihan rakyat atau jentera kerajaan yang kekal ini perlu memberi penjelasan kepada rakyat bahawa kemiskinan tidak mungkin akan dapat diatasi dengan subsidi sebaliknya perlu diatasi dengan sikap produktif. Selain itu, kita juga akan memperkenalkan cara-cara untuk menambah pendapatan dan ini perlu disambut dan diamalkan oleh golongan-golongan sasaran.

Kita mesti ikhlas, memegang kepada segala amalan yang baik dan tidak terlibat dengan amalan rasuah kerana ini semua akan menyekat kepada pembangunan dan kejayaan negara kita. Selain itu, rakyat juga akan berterima kasih sekiranya kita berusaha untuk memenuhi kehendak mereka.

Negara kita ini adalah negara yang mengamalkan konsep *free economy* yang membenarkan kepada golongan yang ingin berusaha untuk menambah pendapatan tanpa ada perasaan iri hati. Perasaan iri hati perlu dikikis dalam mempengaruhi diri kita kerana mereka yang berusaha ini diperlukan kerana golongan ini merupakan penyumbang dana tertinggi kepada kerajaan sebagai sumber yang digunakan untuk mentadbir dan membangunkan negara kita.

Saya yakin, sekiranya kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, kita akan mencapai taraf negara maju lebih awal lagi. Hari ini kita telah lihat dalam bidang teknologi umpamanya, Malaysia telah mampu mengambil bahagian dengan menghasilkan dan mengeluarkan produk-produk dan teknologi canggih kita sendiri yang diperlukan untuk pembangunan negara. Kita juga akan terus dapat melibatkan diri dalam bidang-bidang yang lain supaya kita akan dianggap sebagai negara yang termaju, moden dan boleh bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

Harapan kita pada tahun baharu 2020 ini adalah dengan membuat resolusi yang dapat memberi manfaat kepada diri kita sendiri dan juga negara supaya kita boleh berdiri sama tinggi dengan negara-negara yang maju. Insya Allah, sekiranya kita berusaha bersungguh-sungguh, kita akan dapat mencapai matlamat yang kita tujukan.

Saya berharap agar pada tahun 2020 yang penuh bermakna bagi kita ini akan menjadi tahun permulaan sebagai langkah yang tetap akan membawa kejayaan kepada negara kita supaya pada tahun 2030 kita akan diiktiraf sebagai negara maju. Sekian, terima kasih.